

Usah perlekeh usaha PM tingkat martabat negara

Anwar perlu diberi peluang rangka agenda rancakkan semula ekonomi

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Muhammad Yusri Muzammil
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua pihak tidak wajar memperlekehkan usaha yang sedang diambil oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam menerajui dan menaikkan kembali martabat negara.

Pensyarah Sosiologi Politik, Universiti Sains Malaysia, Prof Dr Sivamurugan Pandian, berkata wajar bagi semua pihak memberi ruang dan peluang secukupnya bagi Ahli Parlimen + Tambun itu merangka pelbagai agenda untuk merancakkan semula ekonomi negara, selain menyifatkannya terlalu awal untuk mengkritik pentadbiran beliau.

“Mungkin (bekas Perdana Menteri) Tun Dr Mahathir Mohamad ada pandangan berbeza, tetapi berdasarkan mandat diberikan (kepada Anwar), saya percaya beliau mampu menerajui negara dalam keadaan perlu mendepani pelbagai cabaran, antaranya pengurusan persepsi dan pandangan daripada kelompok berbeza susulan perubahan landskap politik.

“Saya percaya beliau akan mengambil perkara ini (persepsi dan pandangan berbeza) sebagai antara cabaran besar ketika menerajui pentadbiran, sekaligus memastikan negara berada di landasan tepat bagi merancakkan semula sektor ekonomi dan sosial,” katanya kepada BH, semalam.

Pada temu ramah bersama BH, Dr Mahathir khuatir dengan kemampuan Anwar dalam menguruskan negara.

Beliau berkata, tumpuan Ahli Parlimen Tambun itu lebih untuk mengekalkan dirinya sebagai Perdana Menteri, manakala perancangan mengatasi masalah negara susulan kesan pandemik, kemerosotan ekonomi dan ketidakstabilan politik, masih belum diberikan perhatian.

Dr Mahathir turut mengimbau ketika beliau melantik Anwar sebagai pemangku Perdana Menteri pada 1990-an yang mana Presiden PKR itu gagal menangani masalah berhubung kejatuhan nilai ringgit ketika itu.

Mengulas lanjut, Sivamurugan berkata, Anwar pernah dilabel sebagai pengganti bekas Ahli Parlimen Langkawi itu ketika era pentadbiran Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri Keempat.

Katanya, jolokan ‘pengganti Dr Mahathir itu’ antara lain memberi gambaran yang Anwar memiliki ketokohan, kewibawaan dan kemampuan yang diyakini Dr Mahathir bahawa Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu mampu menerajui pentadbiran negara.



Menurutnya, pembabitan Anwar dalam kerajaan menerusi pelbagai portfolio sejak 1982 sehingga dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri memberi gambaran jelas beliau memiliki pengalaman menerajui pentadbiran semasa yang merentasi gabungan parti politik tanah air.

“Semua pihak tidak wajar memperlekehkan usaha Anwar, sebaliknya mengutarakan pandangan dan cadangan yang boleh membantu ke arah mewujudkan Malaysia yang lebih baik,” katanya.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan kenyataan Dr Mahathir mengkritik kemampuan Anwar menerajui pentadbiran negara dibuat berdasarkan faktor dendam peribadi.

Sementara itu, penganalisis politik, Prof Dr Rusdi Omar, berpandangan Anwar perlu mengambil kenyataan Dr Mahathir sebagai cabaran untuk beliau menjadi pemimpin lebih baik berbanding bekas Perdana Menteri itu.

Jelasnya, Anwar sendiri sudah menunjukkan kemampuan beliau dalam tempoh sebulan sejak dilantik menjadi Perdana Menteri pada 24 November lalu.

“Bagi saya biarlah apa yang Dr Mahathir cakap dan ia boleh dijadikan sebagai cabaran kepada Perdana Menteri untuk menunjukkan keupayaannya memimpin negara.

“Lihat sahaja sejak beliau dilantik menjadi Perdana Menteri, tidak membezakan mana-mana negeri walaupun ia ditadbir pembangkang, khususnya dalam pengagihan peruntukan bajaj,” katanya.

Rusdi berkata, mana-mana pemimpin kerajaan tidak seharusnya tersentak dengan kenyataan Dr Mahathir kerana perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah masalah rakyat.

“Sudah tiba masa Anwar memimpin negara dan Dr Mahathir pun seharusnya sedar perkara itu. Jadi adalah lebih baik semua pihak berfikiran positif,” katanya.

“Sudah tiba masa Anwar memimpin negara dan Dr Mahathir pun seharusnya sedar perkara itu. Jadi adalah lebih baik semua pihak berfikiran positif,” katanya.

“Sudah tiba masa Anwar memimpin negara dan Dr Mahathir pun seharusnya sedar perkara itu. Jadi adalah lebih baik semua pihak berfikiran positif,” katanya.

Mungkin Tun Dr Mahathir ada pandangan berbeza, tetapi berdasarkan mandat diberikan (kepada Anwar), saya percaya beliau mampu menerajui negara dalam keadaan perlu mendepani pelbagai cabaran



Sivamurugan Pandian, Pensyarah Sosiologi Politik, Universiti Sains Malaysia

“Bagi saya biarlah apa yang Dr Mahathir cakap dan ia boleh dijadikan cabaran kepada Perdana Menteri untuk menunjukkan keupayaannya. Sudah tiba masa Anwar memimpin negara dan Dr Mahathir pun seharusnya sedar perkara itu

Rusdi Omar, Penganalisis politik

